



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 JANUARI 2018 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- 'Alat permainan semua rosak' 20

Malay Mail

- 'We want to make roads safer for cyclist' 03

Berita Harian

- Projek SUKE dihenti sementara bersih bongkah batu jatuh 67

Harian Metro

- Bongkah batu menjunam 73



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 24 JANUARI 2018 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	'Alat permainan semua rosak'
Muka Surat	20

'Alat permainan semua rosak'

SH 24/1/18
M/S 20.

Penduduk minta pihak berwajib selenggara Town Park Pandan Indah yang terbiar sejak lebih lima tahun lalu

PANDAN INDAH - Town Park Pandan Indah yang menjadi tumpuan warga kota di sini kini dilihat terbiar dan tidak terurus sejak lebih lima tahun lalu.

Ketua MCA Bahagian Pandan, Datuk Leong Kok Wee berkata, pihaknya telah menerima aduan penduduk berhubung taman berkenaan.

Menurutnya, ketika tinjauan dilakukan di taman itu beliau mendapati kesemua alat permainannya rosak dan tidak boleh digunakan.

"Set integrated playground yang dibina di sini rosak, malah rubber mat yang berada di tapak permainan ini sudah tertanggal dan licin. Saya juga dapati, alat senaman untuk golongan dewasa dan trek jogging yang ada di sini juga sudah rosak.

"Jadi ini memang membahayakan, terutamanya

kepada kanak-kanak yang datang bermain," katanya.

Kok Wee berkata, beliau juga terima aduan terdapat seorang penduduk cedera ketika melakukan aktiviti larian di taman itu.

"Penduduk dakwa, ada seorang pakcik telah terjatuh dan cedera masa bersenam dan berlari di sini. Saya rasa mungkin berpunca daripada keadaan trek jogging yang sudah pecah dan tak rata," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, penduduk juga berharap pihak berkuasa tempatan dapat membina tandas awam di sini.

"Tidak ada tandas awam di sini, bagaimana pengunjung nak buang air. Saya harap MPAJ (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) dapat baik pulih taman ini segera demi kesejahteraan penduduk yang mahu men-

jalankan aktiviti riadah di sini," katanya.

Sementara itu, seorang pengunjung yang hanya mahu dikenali sebagai Ayie berkata, dia bimbang untuk melakukan aktiviti riadah berseorangan di taman itu.

"Sebab ada individu dipercayai penagih dadah jadi kan pondok di kawasan ini sebagai tempat penagihan. Jadi risau pula nak datang taman ni seorang diri.

"Sebelum ni pula, ada pengunjung pernah terjatuh akibat keadaan trek jogging yang licin, saya harap pihak berwajib pandang serius isu ni," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Nik Hussin Nik Ibrahim berkata, dia terkejut melihat keadaan peralatan permainan yang rosak setelah pertama kali datang ke taman ini.

"Saya baru sebulan berpindah kat sini, saya bawa



Kok Wee (duduk) bersama penduduk melihat tapak di taman permainan berkenaan.

dua anak perempuan saya tapi saya lihat banyak peralatan di taman permainan ini telah rosak.

"Jadi nak bawa anak bermain pun rasa macam tak selamat.

"Sayanglah...tempat ni

cantik sebenarnya, tapi alat permainan pula rosak keadaan sekeliling pula macam tak terurus," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 24 JANUARI 2018 (RABU)	
Akhbar	Malay Mail
Tajuk Berita	'We want to make roads safer for cyclist'
Muka Surat	03

MALAY MAIL Wednesday January 24, 2018 3 **Top News**

'We want to make roads safer for cyclists'



KUALA LUMPUR — Several stakeholders met with City Hall representatives on Monday to address the criticism by road users and to also help make bicycle lanes in the city safer.

The meeting was attended by the Kuala Lumpur Cycling, Bicycle Map Project group, traffic engineers, road contractors, the Malaysian Institute of Road Safety Research, motorcycle groups and urban planners.

In a post on the Kuala Lumpur Cycling, Bicycle Map Project Facebook page, it's coordinator Jeffrey Lim said the meeting ended in agreement that the dividers should be removed until further notice.

Malay Mail contacted Lim and he said the willingness of City Hall to consider the concerns raised was commendable.

"The dividers are not necessary for bicycle lanes and with the backlash received it was good on them to have listened to what others had to say," he said.

"We will continue to work with those willing to hear our opinions. We want to make roads safer for cyclists."

Meanwhile, Think City executive director Hamdan Abdul Majeed said it was a norm for cars to dominate the roads but motorists should acknowledge cyclists too.

"Every motorist has the right to be on the road but you can't be driving like you are on the highway when you are in the city," he said.

"People must be responsible to drive in a manner that is considerate of others."

City Hall officers removing the bicycle lane dividers on Monday following safety concerns.
— Picture by Shafwan Zaidon

Safety hazard forces City Hall to improve bicycle lanes



City Hall may replace metal fasteners along the bicycle lanes with flexipole lane dividers. — Picture by Hari Anggara

By May Robertson
mayrobertson@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — City Hall will review the use of metal fasteners on its bicycle lanes following complaints the objects are a safety hazard.

Its project management executive director Datuk Mahadi Che Ngah said City Hall may put up flexipole lane dividers as a replacement, and the installation will take place before the launch of the bicycle lanes next month.

The previous divider, made up of rubber and metal, was removed on Monday.

Flexipoles are plastic, reboundable lane separators used to divide pathways and are frequently seen on Malaysian roads.

"The poles will be placed in hotspots where people tend to park their cars and hinder the use of the lanes, including those along KLOCC and Jalan Pinang."

"The removal was a result of a meeting between the Malaysian Institute of Road Safety Research (Miro), Public Works Department, cycling groups and other stakeholders," said Mahadi.

On Monday, City Hall removed separators at the 5.3km-long bicycle lane in the city centre following claims by motorcyclists that the fasteners almost caused them to crash.

A post on social media alleged that one motorcyclist fell and was injured on one of the roads that had bicycle lanes.

Mahadi said City Hall was aware of the social media complaints.

"We will look at the closed-circuit television recordings to see any incidents along the roads due to the divider," he said.

"We cannot stop people from using the lanes but we would urge caution as the lanes have not been officially launched yet," he said referring to signages and other ongoing works.

Mahadi also said City Hall will take into consideration of such a design in future, even though the bicycle lanes and divider were similar to what was already implemented in Putrajaya.

"We did the same thing in Putrajaya except that the roads there are red, we had a discussion with Miro to decide this before anything took place."

"While there will be bumps along the way, we are confident that the lanes will be well received by road users when everything is ready," said Mahadi, adding their main aim was to reduce the carbon footprint in the city.

The bicycle lane project began in October last year in conjunction with the World Urban Forum and was scheduled to be launched next month.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 24 JANUARI 2018 (RABU)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Projek SUKE dihenti sementara bersih bongkah batu jatuh
Muka Surat	67



Bongkah batu yang terjatuh dari kawasan bukit berhampiran Jalan Saga 28, Taman Bukit Saga, menyebabkan percikan lumpur; semalam.

Projek SUKE dihenti sementara bersih bongkah batu jatuh

BH 24/1/18 Ns 67.

Ampang Jaya: Kerja pembinaan Lebuh raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke) dihentikan sementara untuk pembersihan bongkah batu yang terjatuh dari kawasan bukit berhampiran Jalan Saga 28, Taman Bukit Saga, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 10.45 pagi itu, tiada sebarang kecederaan dan kemalangan jiwa dilaporkan dan hanya beberapa kenderaan dan rumah terkena percikan lumpur susulan kejadian itu.

Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) dalam satu kenyataan, semalam berkata pihaknya memandang serius perkara itu dan menyiasat punca kejadian.

"Kita mengambil langkah memberhentikan kerja di tapak pembinaan berkenaan dengan serta-merta dan menjalankan operasi pembersihan di kawasan terbabit. "Jika siasatan mendapati ada

Kita mengambil langkah memberhentikan kerja di tapak pembinaan berkenaan dengan serta-merta dan menjalankan operasi pembersihan di kawasan terbabit"

Kenyataan PROLINTAS

unsur kecauan di dalam pelaksanaan kerja (pembinaan lebuh raya), tindakan tegas akan diambil ke atas kontraktor yang terbabit," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, semua kenderaan yang kotor akibat percikan lumpur sudah pun dibawa ke pusat pembersihan.

"Satu kaunter rujukan turut disediakan bagi menerima aduan orang awam dan memantau kerja pembersihan di lokasi kejadian.

"Selain itu, pasukan Emergency Response Team (ERT) ditugaskan 24 jam bagi menghadapi sebarang kecemasan," katanya.

Selain itu, PROLINTAS turut bersedia menerima maklumat berkaitan salah urus kontraktor.

Maklumat berkenaan boleh disalurkan melalui talian Hotline PROLINTAS 1 300 88 9922 atau Facebook PROLINTAS Highways atau emel di feedback.suke@prolintas.com.my



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 24 JANUARI 2018 (RABU)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Bongkah batu menjunam
Muka Surat	73

HARIAN METRO

24/1/18 1/5 73.

Bongkah batu menjunam

■ Rumah, kenderaan penduduk pangsapuri ditenggelami lumpur tapak projek

Norizuan Shamsuddin
norizuan@hmetro.com.my

Ampang

Penduduk pangsapuri berhampiran Jalan Saga 28, Taman Bukit Saga cemas susulan kejadian runtuh bongkah batu besar pada bukit berhampiran diikuti banjir lumpur.

Dalam kejadian jam 10.45 pagi semalam, bongkah batu dari tapak projek terletak di atas bukit berkenaan jatuh secara mendadak ketika kerja pembinaan dilakukan.

Kejadian menyebabkan beberapa rumah dan kenderaan penduduk di kawasan itu ditenggelami lumpur dan batu.

Difahamkan insiden berpunca dari tapak projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke).

Bagaimanapun, kejadian itu tidak mendatangkan kecederaan atau kemalangan jiwa kepada pekerja mahupun penduduk sekitar kawasan berkenaan.

Kejadian itu disahkan pihak syarikat Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) yang juga memegang konsesi projek lebuhraya SUKE berkenaan.

Menerusi kenyataan dikeluarkan semalam, pihaknya menerusi syarikat Lintasan Sungai Besi-Ulu Klang Sdn Bhd memandang serius kejadian itu dan siasatan lanjut dilakukan.

"Kami menyiasat kejadian ini dan sudah mengambil langkah menghentikan serta-merta kerja di tapak pembinaan selain melakukan operasi pembersihan di kawasan itu.


"Semua kenderaan penduduk yang kotor akibat kejadian itu dibawa ke pusat pembersihan kenderaan dengan segera.

"Kaunter rujukan turut disediakan bagi menerima aduan orang awam dan memantau kerja pembersihan selain menempatkan pasukan Emergency Response Team (ERT) yang bertugas 24 jam bagi menghadapi sebarang kecemasan," katanya.

Katanya, tindakan tegas akan diambil terhadap kontraktor terbabit sekiranya siasatan dilakukan mendapati ada unsur kecuai dalam melaksanakan tugas.

"PROLINTAS memberi jaminan bahawa keselamatan dan kesejahteraan orang awam dan penduduk di sekitar kawasan pembinaan SUKE menjadi keutamaan kami.

"Jika orang awam mempunyai sebarang maklumat berkaitan salah urus kontraktor, mereka boleh terus salurkan maklumat kepada kami melalui talian Hotline 1-300-88-9922 atau e-mel feedback.suke@prolintas.com.my," katanya.



KENDERAAN penduduk yang terkena bongkah batu terjatuh dari kawasan bukit berhampiran Jalan Saga 28, Taman Bukit Saga, semalam.